

# **YADIM meterai MoU bersama 12 institusi untuk pembangunan dakwah**

**UB 25.9.2020**

**PUTRAJAYA:** Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) semalam memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan 11 institusi pengajian tinggi (IPT) dan satu institusi pondok dakwah, bagi menjalin kerjasama dalam aktiviti berkaitan pembangunan dakwah.

IPT yang terlibat ialah Universiti Putra Malaysia; Universiti Kebangsaan Malaysia; Universiti Teknologi Malaysia; Universiti Teknologi MARA; Universiti Tun Hussein Onn Malaysia; Universiti Malaysia Sabah; Universiti Sains Islam Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

IPT lain ialah Universiti Multimedia Malaysia, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur, serta institusi pondok iaitu Pertubuhan Muafakat Pondok SeMalaysia.

MoU tersebut ditandatangan oleh wakil setiap institusi terlibat, manakala YADIM diwakili Yang Dipertuaanya Nasrudin Hassan, serta disaksikan oleh Menteri Penga-



**SIMBOLIK:** Dr Noraini (tengah) menyaksikan majlis pertukaran memorandum perjanjian persefahaman (MoU) antara Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) yang diwakili Nasrudin (dua kiri) dengan Universiti Malaysia Sabah (UMS) diwakili Dr Taufiq (dua kanan) semasa majlis Menandatangani MoU antara YADIM dengan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia dan Institusi Pondok di Putrajaya semalam. — Gambar Bernama

jian Tinggi Datuk Dr Noraini Ahmad.

Noraini dalam ucapannya berkata kesediaan YADIM melibatkan institut pendidikan dalam mengembangkan dakwah di Malaysia merupakan pengiktirafan

kepada keupayaan serta kemampuan institusi akademik serta peranan yang mampu mereka mainkan dalam pembangunan ummah dan negara.

“Perjanjian persefahaman ini menjadikan YADIM

serta institut-institut pendidikan terlibat sebagai rakan strategik yang akan membangunkan dakwah dengan lebih tersusun, strategik dan fokus melalui perancangan yang teliti, matang dan rasional,” kata Noraini. — Bernama